

Rujukan kami : PNM(KPS) 125 ( )  
Tarikh : hb Januari, 2015

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab  
**Negeri Melaka**  
**(Seperti Senarai Edaran)**

YB Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.1 TAHUN 2015**  
**IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2014**

---

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat Arahan Operasi Bendahari Negeri Bil. 10 Tahun 2014 adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan bagi bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi Tahun 2014.

3. Sehubungan dengan itu, bagi pegawai yang pembayaran gaji dibuat menggunakan sistem "**payroll**" pihak Bendahari Negeri telah membuat bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi tersebut. Walaubagaimanapun disebabkan bayaran Imbuhan Tahunan Dan Bayaran Khas Prestasi telah dipercepatkan kepada 5hb Januari 2015 berkemungkinan terdapat lebihan bayaran. Oleh yang demikian pihak YB Datuk/Tuan/Puan hendaklah mengutip semula atau memotong daripada bulan berikutnya (Februari) aman yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai di bawah pengurusan pihak YB Datuk/Tuan/Puan dengan merujuk dan mematuhi **Pekeliling Perkhidmatan Awam Bil. 6 tahun 2014** dan **Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bil. 11 Tahun 2014**.

4. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada tarikh surat ini dikeluarkan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-2307 285/298/802**.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, FASA II"**  
**"BERKAT, TEPAT, CEPAT"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(JAFRIL BIN JUNIT)**  
Bendahari Negeri,  
**MELAKA**

s.k. YB Pegawai Kewangan Negeri Melaka